

29 AUG 2001

Jalan-Tutup

JALAN DITUTUP SEMPENA SAMBUTAN HARI MERDEKA

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Beberapa batang jalan utama di ibu kota akan ditutup secara berperingkat sempena sambutan Di Ambang Merdeka dan Hari Kemerdekaan yang ke-44 yang akan diadakan secara besar-besaran bermula esok.

Ketua Polis Trafik Kuala Lumpur Supt Ishak Abdul Manan hari ini berkata penutupan jalan-jalan itu akan dilakukan bagi melicinkan sambutan yang akan diadakan di beberapa lokasi termasuk Dataran Merdeka, Jalan Bukit Bintang, Jalan Petaling dan Bangsar.

"Sambutan Di Ambang Merdeka di Dataran Merdeka akan diadakan dengan persembahan pentas dan persembahan bunga api yang akan turut dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Menurutnya jalan-jalan yang akan ditutup bermula pukul 7 petang esok sempena sambutan Di Ambang Merdeka ialah Jalan P Ramlee, Jalan Binjai, jalan-jalan sekitar KLCC, Jalan Bukit Bintang dari Jalan Imbi, persimpangan Jalan Bukit Bintang dan Jalan Sultan Ismail.

Laluan masuk ke KLCC yang dibuka hanyalah melalui terowong sahaja ke arah tempat letak kenderaan berbayar KLCC manakala laluan untuk ke Hotel Mandarin Oriental dibuka melalui Jalan Pinang.

Jalan Bukit Bintang/Jalan Raja Chulan hingga persimpangan Jalan Bukit Bintang dan Jalan Sultan Ismail yang akan diadakan parti jalanan akan ditutup dari pukul 7 petang esok dan akan dibuka semula pada pukul 5.30 pagi.

Sementara itu sambutan Hari Kemerdekaan pada hari Jumaat ini pula akan diadakan di Dataran Merdeka dengan dipenuhi pelbagai aktiviti.

Jalan yang akan ditutup semasa sambutan Hari Kemerdekaan ialah Jalan Raja di depan Dataran Merdeka, Bulatan Hishamuddin menghala ke Dataran Merdeka, Bulatan Datuk Onn ke Jalan Raja Laut dan Tun Perak yang akan bermula pukul 8 malam, Jalan Lebuhr Pasar, Jalan Isfahan dan Jalan Dang Wangi.

"Terdapat juga beberapa lengcongan yang akan ditutup termasuk dari arah Puduraya ke Lebuhr Ampang, dari Jalan Tuanku Abdul Rahman ke Jalan Tun Perak dan lengcongan dari Jalan Tuanku Abdul Rahman ke Jalan Sultan Ismail atau Jalan Dang Wangi yang akan ditutup bermula pukul 8 malam," katanya.

Menurut Ishak kira-kira 100 anggota akan ditugaskan secara menyeluruh di setiap lengcongan dan penutupan serta lokasi yang dikenal pasti akan mengalami kesesakan kesan dari penutupan jalan.

"Orang ramai digalakkan menggunakan kenderaan awam untuk mengelakkan kesesakan lalulintas dan kenderaan yang menimbulkan kesesakan lalulintas akan ditarik dengan bantuan pekerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)," katanya.

-- BERNAMA

SHI KHY NMO